



منتري بسرکلنتن

**AMANAT KHAS  
MENTERI BESAR KELANTAN**

**“KELANTAN MAJU, RAKYAT SEJAHTERA”**

**Majlis Amanat Khas YAB Menteri Besar Kelantan  
Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kota Darul Naim  
Khamis, 21 Safar 1445 Bersamaan 07 September 2023**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

دان سلام سجهترا

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِالْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى  
خَيْرِ الْأَنْبَاءِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الزَّحَامِ

Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ  
لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ <sup>قَالَ</sup> إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana la hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Surah Al-An'am 165.

- Terima Kasih Pengerusi Majlis,
- Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hasan,  
Timbalan Menteri Besar Kelantan,

- YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Mantan Menteri Besar Kelantan
- YB Dato' Kaya Setia Dato' Nazran Bin Mohamad, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- YB Dato' Idham Bin Abdul Ghani, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
- YB Dato' Norazman Bin Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri
- Yang Berhormat Dato' – Dato' Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- YB Sahibus Samahah Dato' Kaya Perba Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamed, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
- Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara,
- Yang Amat Berusaha Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan
- Para Pegawai, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati Sekalian

1. Bersyukur kita kerana dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis yang mulia ini. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT dengan nikmat keamanan dan kesejahteraan yang berterusan ke atas negeri kita ini Kelantan Darul Naim.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat dan hidayah kepada sekalian alam, seterusnya kepada kaum keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Alhamdulillah, Majlis Amanat Khas Menteri Besar Kelantan dapat dilangsungkan pada pagi yang penuh berkat ini. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pimpinan dan anggota perkhidmatan awam dalam negeri Kelantan yang sama-sama hadir bagi menjayakan majlis ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian

3. Saya telah mulakan amanat saya pada pagi ini dengan membaca ayat 165 daripada surah al-An'am. Ayat ini amat penting untuk dihayati kerana ia merupakan suatu ketetapan daripada Allah SWT kepada kita semua selaku khalifah Allah dalam pelbagai peringkat dan lapisan kepimpinan samada sebagai pemimpin negeri atau sebagai pemimpin diperingkat jabatan.

4. Ayat ini adalah ditujukan kepada saya/ ambo sebagai Menteri Besar, ditujukan kepada Setiausaha Kerajaan dan juga kepada ketua-ketua jabatan.
5. Dalam ayat ini Allah mengingatkan bahawa jawatan yang diberikan kepada kita ini adalah sebagai ujian daripada Allah berkenaan jawatan yang kita sandang. Sekiranya tidak baik kerja buat kita Allah memberi amaran bahawa amat cepat azab seksaNya. Sekiranya baik kerja buat kita Allah menjanjikan keampunan dan kasihan belasNya kepada kita semua.
6. Alhamdulillah, Perikatan Nasional telah diberikan mandat yang besar oleh rakyat Kelantan pada Pilihan Raya Umum Negeri yang kelima belas, apabila memenangi 43 daripada 45 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan sekaligus dapat membentuk Kerajaan dengan majoriti kukuh dan stabil.
7. Kemenangan ini merupakan keyakinan rakyat Kelantan kepada dasar Membangun Bersama Islam.

8. Maka, terima kasih diucapkan kepada seluruh rakyat Kelantan kerana telah memberi mandat dan memilih Kerajaan Negeri Membangun Bersama Islam demi kesejahteraan bersama.
9. Saya menzahirkan setinggi-tinggi ucapan junjung kasih dihadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Kelima di atas ampuni perkenan, kepercayaan dan keyakinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada saya serta kepimpinan Kerajaan untuk menerajui Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim bagi penggal ke-15.

Para Hadirin yang dihormati sekalian.

10. Keindahan dasar Islam berjaya meletakkan Kelantan sebagai sebuah model Kerajaan berintegriti. Imam al-Ghazali berkata:

الدِّينُ أَسُّهُ وَالسُّلْطَانُ حَارِسُهُ وَمَا لَا أَسَّ لَهُ فَمَهْدُومٌ وَمَا لَا حَارِسَ لَهُ فَضَائِعٌ

Maksudnya: “Agama itu adalah asasnya sedangkan pemerintah sebagai pengawalanya. Apa yang tidak ada asasnya, nescaya boleh membawa keruntuhan dan apa yang tidak ada pengawalanya akan menjadi hilang.”

11. Kini Kelantan telah bersama –sama Terengganu, Kedah dan Perlis membentuk koridor hijau dalam peta semenanjung Malaysia. Antara sumber kekuatan yang saya boleh simpulkan menjadi kekuatan Kerajaan ini ialah;

Pertama, meletakkan pemahaman yang jelas mengenai dasar-dasar Islam dalam setiap agenda pentadbiran negeri yang berlandaskan asas aqidah dan syariat islam dengan menyemai nilai taqwa kepada seluruh rakyat.

Kedua; Memastikan cara hidup Islam diperkukuh melalui pelaksanaan dasar, penggubalan undang-undang Islam, pembangunan akhlak dan sahsiah kepimpinan dan rakyat.

Ketiga, menggerak pembangunan negeri yang dinamik berdasarkan pembangunan yang seimbang, meningkat jati diri Islam, bagi menuju Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera.

12. Oleh yang demikian, rakyat Kelantan sangat menghargai jasa kepimpinan terdahulu sejak pengenalan dasar Membangun Bersama Islam pada era pentadbiran Almarhum Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat serta diperkukuhkan pada era Merakyat Membangun Bersama Islam pimpinan pentadbiran YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob yang telah mengecapi pelbagai kejayaan demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Para Hadirin yang dihormati sekalian

13. Amanah serta tanggungjawab atas kemenangan besar ini, bukanlah satu kemasyhuran sebaliknya merupakan satu tanggungjawab berat untuk kita sentiasa menginsafi diri serta terus bekerja dengan lebih gigih dalam melaksanakan semua tawaran Perikatan Nasional yang bertemakan 'Kelantan Maju Rakyat Sejahtera'.



14. Tawaran ini merangkumi 18 tawaran dengan 96 program yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun. Antara tawaran yang menjadi tekad dan perancangan Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan pada penggal ini ialah;

1. Pembangunan Sosio-ekonomi
2. Pembangunan Bekalan Air Bersih
3. Pembangunan Insaniah
4. Pembangunan Pendidikan dan Kemahiran
5. Pembangunan Wanita
6. Pembangunan Keluarga dan Masyarakat
7. Anak Muda Bermaruah
8. Kecaknaan Insan Istimewa
9. Peluasan Pasaran Digital
10. Memajukan Produktiviti Pertanian
11. Alam Sekitar Lestari
12. Ihtirafi Tadbir Urus

13. Kesejahteraan Rakyat
  14. Seni Budaya dan Warisan Kelantan
  15. Kesukanan dan Rekreasi
  16. Mengukuhkan Hubungan Antara Kaum
  17. Cakna Perantau dan,
  18. Kebersamaan NGO
15. Oleh itu, kepimpinan Kerajaan Negeri amat komited untuk melaksanakan segala inisiatif yang terkandung di dalam tawaran tersebut.
16. Sebagai langkah pertama, sebahagian agenda dalam tawaran ini akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri. Antara inisiatif yang akan diberikan keutamaan dalam masa 100 hari ialah:

17. Pertama, Pembentukan Jaringan Ekonomi Koridor Hijau ke arah peningkatan ekonomi negeri. Ini menunjukkan kebersediaan Kerajaan Negeri Kelantan untuk berkerjasama di peringkat tertinggi kerajaan-kerajaan negeri dibawah Perikatan Nasional meliputi bidang ekonomi, pendidikan, agromakanan dan perkongsian tenaga pakar dan modal insan.
  
18. Kerajaan Negeri juga akan menerokai prospek baharu pelaburan, kewangan, ekonomi, teknologi dan pertanian ke arah memacu Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera termasuk sumbangan kepakaran anak Kelantan dalam membangunkan negeri Kelantan menerusi Majlis Penasihat Ekonomi Kelantan yang akan segera dibentuk.
  
19. Kedua, memberi peranan besar kepada *Invest Kelantan* sebagai pusat sehenti (One Stop Centre) bagi memberi khidmat nasihat pelaburan, mempromosi dan memudahcara pelaburan di Kelantan. Gandingan Invest Kelantan dan Pesuruhjaya Tanah

Kelantan pastinya membawa kesan positif bagi iklim pelaburan di negeri Kelantan.

20. Ketiga, menaiktaraf sekolah agama bantuan kerajaan yang sedia ada menjadi maahad tahfiz di Kuala Krai dan Gua Musang dalam usaha melahirkan huffaz selaras dengan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.
21. Keempat, mewujudkan Pasukan Petugas Khas Air Kelantan ke arah penjenamaan semula AKSB untuk membuat Laporan kepada Menteri Besar berkenaan Pengurusan AKSB dalam masa 100 hari. - Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang pakar dalam industri bekalan air - Memperkasa sistem korporat, penyampaian maklumat dan aduan AKSB.
22. Kelima, Pelancaran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan dan program latihan kemahiran digital dan industri kreatif yang berorientasikan modul Membangun Bersama Islam.

23. Keenam, memperkasa pelancongan Kelantan melalui pakej-pakej yang menarik dengan memanfaatkan *influencer-influencer* Kelantan sebagai persiapan kearah Tahun Melawat Kelantan 2024. Ini termasuk kerjasama dengan pihak swasta dan pemegang taruh dalam memajukan sektor pelancongan domestik.
24. Dan ketujuh, menyebarkan pencapaian Kerajaan Negeri kepada rakyat menerusi program penerangan di setiap jajahan dan program pemimpin bersama rakyat. Kerajaan Negeri akan menerima maklum balas secara langsung mengenai keberkesanan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri.
25. Kesemua tawaran dan perancangan adalah lanjutan kepada Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke hadapan 2016-2025. Kerajaan Negeri juga akan melancarkan Dokumen Halatuju Portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Penggal Ke-15 bagi memperincikan perancangan dan pelaksanaan tawaran tersebut.

26. Saya berharap Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri khususnya Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar (SPARK) bersama-sama jabatan dan agensi berkaitan memastikan setiap perancangan tersebut dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan.

Para Hadirin yang dihormati sekalian

27. Saya yakin perancangan Kerajaan Negeri ini akan berjaya jika semua pihak memainkan peranan masing-masing. Ingatlah kepimpinan Kerajaan Negeri memikul amanat dan tanggungjawab yang besar daripada rakyat Kelantan.

28. Oleh itu, betapa perlu semua pihak khususnya Jabatan Negeri dan Persekutuan dapat berkerjasama demi kepentingan rakyat ibarat *seikat bak sirih, serumpun bak serai*.

29. Saya dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan pelaksanaan Sasaran Kerangka Kerja untuk portfolio masing-masing. Justeru, saya dengan ini merangkumkan tujuh (7) pendekatan utama yang mana saya percaya akan menjadi kekuatan pentadbiran Kerajaan Negeri bagi penggal Kelima Belas ini.
30. Pertama, Kepimpinan Ulama dan Teknokrat: Jalinan kepimpinan ulama' dengan melibatkan teknokrat merujuk kepada pendekatan dalam menggabungkan pengetahuan agama para ulama dengan kepakaran para teknokrat dalam memimpin dan mengurus pembangunan.
31. Dalam konteks Kelantan, kepimpinan ulama dan teknokrat dapat membantu mempercepat pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Melalui jalinan ini, Kelantan dapat merancang strategi pembangunan yang menyeluruh bukan hanya terikat kepada dengan indeks kemajuan material semata-mata,

bahkan turut berkait dengan indeks sosio taqwa bagi memelihara maqasid syariah.

32. Kedua, Pembaharuan Undang-undang dan Pertahan Syariah.

Keadilan adalah bersifat tetap manakala undang-undang adalah bersifat anjal. Oleh yang demikian undang-undang perlu sentiasa diperbaharui bagi memenuhi kehendak semasa.

33. Masa kini undang-undang syariah sedang dicabar

keabsahannya di Mahkamah Persekutuan. Di Kelantan sendiri 19 seksyen dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1 2019 sedang menghadapi ancaman yang sama.

34. Saya hadir dalam mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal

Islam Kali Ke-70. Di dalam titah ucapan utama pengerusi MKI iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor baginda menzahirkan dua perkara yang menjadi cabaran kepada agama Islam dan undang-undang syariah.



35. Pertama: Penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam dan kedua, bidang kuasa Dewan Undangan Negeri dalam menggubal undang-undang berkaitan jenayah syariah. Oleh itu, segala langkah perlu di ambil bagi mempertahankan undang-undang syariah di Kelantan yang juga bakal memberikan implikasi yang besar kepada undang-undang syariah di negeri-negeri lain.
36. Ketiga, Pemerkasaan Dakwah dan Pembangunan Insan. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Institut Latihan Darul Naim perlu berperanan besar dalam pemerkasaan dakwah dan pembangunan insan. Penyelarasan perlu dibuat bersama pondok-pondok dan badan-badan bukan kerajaan dalam agenda ini.
37. Keempat, Pemerkasaan Pakej Ekonomi Sejahtera. Pakej ekonomi sejahtera melibatkan pengurusan sumber kekayaan negeri dengan pelbagai langkah dan program yang bertujuan untuk

menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan, dan memperluas sektor-sektor yang berpotensi.

38. Pakej ini termasuklah memperkukuhkan sektor permulaan perniagaan kepada belia, meningkatkan sektor logistik dan membentuk persekitaran kondusif untuk pembangunan pertanian.

39. Kelima, Budaya Kebersamaan dalam Pembangunan. Rakyat Kelantan adalah penyumbang yang setia kepada hasil persekutuan. Dalam konteks kebersamaan, ini harus diterjemahkan dalam bentuk pengagihan peruntukan yang adil dan saksama daripada Kerajaan Persekutuan agar dapat dinikmati oleh rakyat.

40. Kerjasama di antara agensi negeri, persekutuan serta pihak swasta adalah nilai tambah dalam merencanakan pembangunan ekonomi negeri.

41. Keenam, Pembangunan Bekalan Air Bersih. Dalam konteks pembangunan yang berkeseluruhan, masalah air merupakan isu yang sangat penting.
42. Untuk mengatasi masalah tersebut, langkah yang perlu diambil adalah membentuk sebuah kolaboratif yang melibatkan perkongsian kepakaran dari berbagai bidang berkaitan adalah amat diperlukan. Penjenamaan semula AKSB adalah mengambil kira pendekatan kolaboratif ini.
43. Ketujuh, Akauntabiliti, Budaya Terbuka dan Responsif. Jentera pentadbiran mesti meningkatkan kesedaran akauntabiliti yang merupakan langkah penting dalam memperkukuhkan pengurusan dan pelaksanaan perancangan dan inisiatif.
44. Dalam melaksanakan sikap terbuka dan responsif, jentera pentadbiran hendaklah menjadi lebih peka terhadap keperluan masyarakat dan persekitaran yang berubah dengan cepat. Ini akan

dapat memperbaiki proses kerja, meningkatkan kualiti perkhidmatan, dan membuahkan hasil yang lebih baik.

Para Hadirin yang dihormati sekalian

45. Saya berkeyakinan, berkat kerjasama semua pimpinan, pegawai tadbir negeri serta seluruh penjawat awam, kita akan mampu bersama-sama memacu negeri Kelantan demi kesejahteraan rakyat.

46. Insya- Allah, setiap permasalahan ada jalan penyelesaian, bermusyawarahlah. Segala pandangan, dan cadangan dari semua pihak juga perlu kita bawa ke tengah untuk dibincangkan agar konsep musyawarah ini menjadi paksi keberkatan kepada Kerajaan ini.

{ وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ }

[Surah Ash-Shūrā: 38] Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan

mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.

47. Saya sangat hargai komitmen dan kualiti khidmat serta penyampaian semua Ahli Yang Berhormat sekalian kepada rakyat dan negeri bertuah ini.

48. Saya juga percaya bahawa curahan jasa bakti dan budi oleh penjawat awam negeri Kelantan yang di ketuai oleh YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri akan menjadi kayu ukur kepada kejayaan negeri Kelantan dan rakyat Kelantan.

49. Maka, atas mandat besar ini, marilah kita terus bekerja bersama saya dan Kerajaan Negeri, kita tingkatkan kualiti perkhidmatan berlandaskan dasar Membangun Bersama Islam menuju Kelantan Maju Rakyat Sejahtera.

50. Sebelum saya mengakhiri amanat saya pada pagi ini, dengan penuh sukacitanya Kerajaan Negeri bersetuju mengumumkan Pemberian **Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2023** sebanyak **RM 300**.
51. Bayaran penghargaan ini juga akan turut diterima oleh Pegawai Lantikan Politik Termasuk Ahli-Ahli Majlis, Penghulu, Halaqat, Penyelaras ICT DUN, Penyelaras pembangunan Armalah, Guru Pondok, Guru Al-quran dan Guru Fardu Ain serta Guru Jahitan (Mudaribbah).
52. Semoga Allah SWT melindungi, memberkati dan merahmati Kerajaan Negeri Kelantan dengan penuh kemakmuran dan kesejahteraan.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته